

NKF ambil langkah lindungi petugas barisan hadapan

KUALALUMPUR: Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) mengambil langkah universal untuk memastikan semua doktor dan jururawatnya dilindungi daripada wabak COVID-19.

Pengerusinya, Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher berkata ia termasuk mematuhi protokol kawalan dan pencegahan jangkitan, serta menyediakan set lengkap peralatan perlindungan diri (PPE) yang diperlukan oleh petugas kesihatan di pusat dialisis yayasan itu.

“Bagi pihak NKF, kami berterima kasih atas kemurahan hati sektor korporat serta masyarakat prihatin yang memberi sokongan kepada kami.

“Kami akan pastikan bekalan perubatan dan sumbangan yang diterima menerusi Tabung COVID-19 NKF berjumlah lebih RM30,000 akan digunakan sebaiknya untuk melindungi kesihatan

respiratori petugas kami di seluruh negara sekali gus memberi dorongan dan motivasi kepada mereka untuk terus melaksanakan tugas merawat pesakit,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Pusat dialisis terus beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan.

NFK mempunyai 28 pusat dialisis di seluruh negara dan sehingga kini, yayasan telah membantu lebih 1,700 pesakit berdaftar menjalani dialisis sebanyak tiga kali seminggu di pusat berkenaan.

Orang awam yang berminal untuk membantu NFK menyediakan keperluan PPE dan peralatan perubatan lain, boleh menyalurkan sumbangan kepada Tabung COVID-19 NFK di akaun Maybank-014011450041 , melayari laman web <https://nkf.org.my/support-us/nkf-covid-19-fund> atau menghubungi 016-230 1072. — Bernama